

Gempa 7.5 gegar Jepun, 30 cedera

Kerajaan keluar amaran gempa lebih kuat dalam beberapa hari akan datang

TOKYO: Gempa bumi kuat bermagnitud 7.5 melanda timur laut Jepun malam kelmarin, mencederakan 30 orang dan mencetuskan ombak tsunami setinggi 70 sentimeter yang sampai ke pantai Pasifik, lapor Agensi Berita Kyodo memetik kerajaan Jepun.

Agensi Meteorologi Jepun berkata gempa yang berlaku pada 11.15 malam itu berpusat di luar pantai timur wilayah Aomori pada kedalaman 54 kilometer, dan boleh diikuti satu lagi gempa dengan magnitud sama atau lebih besar di kawasan berkenaan dalam beberapa hari akan datang.

Ini merupakan kali pertama agensi itu mengeluarkan amaran sedemikian bagi kawasan pantai Hokkaido dan pantai Sanriku, yang merentangi Aomori hingga Iwate dan Miyagi.

Perdana Menteri Sanae Takaichi menyeru penduduk di wilayah terjejas supaya berwaspada terhadap maklumat daripada kerajaan tempatan dan agensi cuaca sepanjang minggu ini, termasuk membuat persediaan menghadapi



CEMAS: Sebuah kereta dilihat tersangkut dalam lubang besar di atas jalan selepas gempa bumi bermagnitud 7.5 melanda bandar Tohoku di wilayah Aomori kelmarin. — Gambar AFP

kemungkinan gempa susulan dengan mengikat atau menstabilkan perabot.

“Kerajaan meminta penduduk meneruskan aktiviti sosial dan ekonomi sambil mengekalkan kesiapsiagaan untuk berpindah serta-merta jika merasakan gegaran,” kata Takaichi kepada pem-

berita pada Selasa di pejabatnya di Tokyo.

Kecederaan dilaporkan di wilayah Aomori dan Hokkaido.

Gempa berlaku di kawasan sepanjang palung di luar pantai Hokkaido dan timur laut Jepun, yang gempa besar boleh dicetuskan apabila plat

Pasifik menyusup ke bawah pulau utama Honshu, menurut agensi itu.

Agensi tersebut, yang menyamak magnitud daripada laporan awal 7.6 kepada 7.5, memberi amaran tsunami setinggi sehingga 3 meter selepas gempa berkenaan. Ombak tsunami tertinggi

yang dicatatkan ialah 70 sentimeter di Iwate.

Tiga jam setengah selepas gempa melanda, amaran tsunami diturunkan kepada nasihat keselamatan, dan nasihat itu ditarik balik pada 6.20 pagi semalam. Gempa tersebut mencatatkan intensiti enam atas pada skala intensiti seismik Jepun tujuh mata di beberapa kawasan di Aomori, iaitu tahap seseorang tidak boleh berdiri atau bergerak tanpa hilang keseimbangan.

Satu amaran khas agensi cuaca mengenai kemungkinan gempa besar di sepanjang palung, dikenali sebagai “Nasihat Gempa Susulan di Luar Pantai Hokkaido dan Sanriku,” dikeluarkan selepas berlaku gempa dengan magnitud yang disahkan 7.0 atau lebih besar.

Agensi menilai terdapat kemungkinan satu dalam 100 bahawa gempa magnitud 8.0 atau lebih besar boleh berlaku dalam tempoh tujuh hari.

Namun, walaupun amaran sedemikian berkuat kuasa, pihak berkuasa tidak mengarahkan orang ramai untuk berpindah sebagai persediaan. — Bernama